

KERTAS 1

Jawab **semua** soalan.
Masa 1 jam 15 Minit

Bahagian A

[20 markah]

1 Tauhid Uluhiyyah berpaksikan kepada

- A Kalimah Syahadah
- B Kalimah Allah s.w.t
- C Kalimah al-Quran
- D Kalimah al-Hadis

2

Maksud surah az-Zukhruf ayat : 9

Dan demi sesungguhnya jika engkau (wahai Muhammad) bertanya (kepada mereka yang musyrik) itu : "Siapakah yang menciptakan langit dan bumi ?" Sudah tentu mereka akan menjawab : " Yang menciptakannya ialah Allah Yang Maha Kuasa Lagi Maha Mengetahui".

Ayat di atas membuktikan tentang konsep ketuhanan yang dikenali sebagai

- A Uluhiyyah
- B Syumuliyah
- C Rububiyah
- D Waq'iyyah

3 Jelaskan etika kerja dalam Islam.

- I Bekerja dengan ikhlas.
- II Sentiasa berdisiplin.
- III Bekerja dengan bersungguh-sungguh.
- IV Sentiasa mengadakan mesyuarat.

- A I, II dan III.
- B I, II dan IV.
- C I, III dan IV.
- D II, III dan IV.

4 Matlamat yang ingin dicapai melalui sistem muamalah Islam ialah

- I Memudahkan manusia menikmati segala kurniaan Allah
- II Memperkasakan dan memeperlicinkan urusan manusia
- III Memperolehi kejayaan melalui muamalah
- IV Mengeratkan hubungan sesama manusia

- A I, II dan III.
- B I, II dan IV.
- C I, III dan IV.
- D II, III dan IV.

- 5 Konsep 'Allahu Ahad' memimpin akal manusia _____.
- A Mengetahui dan mentaati Allah tanpa memerlukan perantara.
 - B Mengetahui dan mengkaji segala penciptaan Allah.
 - C Membezakan di antara halal dan haram.
 - D Mengabdikan diri semata-mata kepada Allah.

- 6 Matlamat perundangan Islam ialah

- I Memelihara hak.
- II Memelihara agama.
- III Memelihara keturunan.
- IV Memelihara kehormatan diri.

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

- 7 Berikut adalah prinsip-prinsip pemerintahan negara Islam KECUALI

- A Keadilan
- B Kepimpinan
- C Persamaan
- D Kebebasan

- 8
- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">◆ Menjadi sumber perundangan Islam.◆ Menghubungkan hukum yang tiada kepada hukum yang ada kerana ada persamaan sebab. |
|--|

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A al-Quran.
- B al-Hadis.
- C al-Qias.
- D al-Ijmak.

- 9 Pemilihan pemerintahan di Malaysia dilakukan secara

- A Musyawarah.
- B Pilihan raya.
- C Mesyuarat kabinet.
- D Badan legislatif.

- 10 _____ ialah perbuatan menilai diri sendiri.

- A Mahmudah.
- B Muhakamah.
- C Mudharabah.
- D Muhasabah.

- 11 Antara berikut adalah kelebihan sifat murunah KECUALI
- A Menunjukkan sifat toleransi dan berhikmahnya Islam.
 - B Menggalakkan umat Islam mentaati dan melaksanakan ajaran Islam
 - C Menarik minat orang bukan Islam memahami Islam
 - D Melahirkan ramai umat Islam yang mengingkari ajaran Islam.
- 12 Antara berikut yang manakah langkah penyelesaian masalah seperti yang dianjurkan Islam.
- A Tidak perlu kepada penilaian semula.
 - B Tidak menitikberatkan punca masalah.
 - C Mengenal pasti setiap masalah yang berlaku.
 - D Menghukum orang yang melakukan punca masalah.
- 13 Kejadian alam semesta, pertukaran siang dan malam adalah bukti kepada
- A Keadilan Allah s.w.t
 - B Kekayaan Allah s.w.t
 - C Kekuasaan Allah s.w.t
 - D Ketinggian Allah s.w.t
- 14 Harta yang dibelanjakan secara Islam menyebabkan
- A Pembangunan negara terjejas.
 - B Pemiliknya dikenakan tindakan.
 - C Pungutan zakat berkurangan.
 - D Kadar kemiskinan berkurangan
- 15 Dosa yang tidak diampunkan Allah s.w.t kecuali dengan taubat nasuha.
- Pernyataan di atas merujuk kepada
- A Sihir.
 - B Syirik.
 - C Syiar.
 - D Sesat.
- 16 Hukuman ke atas orang yang murtad adalah untuk memelihara
- A Agama .
 - B Negara .
 - C Akal .
 - D Nyawa .

- 17 Sesuatu amalan dianggap ibadah dan mendapat pahala jika
- I Pelaksanaannya adil dan bertanggungjawab.
 - II Pekerjaan yang halal di sisi syarak.
 - III Tidak menghalang daripada melaksanakan perkara wajib.
 - IV Dapat memberi keuntungan kepada diri, keluarga dan negara.
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV
- 18 Mengapakah penyelesaian masalah mesti dirujuk kepada orang yang berilmu
- A Kerana mereka lebih dekat dengan Allah s.w.t
B Kerana mereka berpengalaman.
C Supaya penyelesaian dapat dibuat dengan senang.
D Supaya penyelesaian dapat dibuat dengan tepat dan menyeluruh.
- 19 Berikut adalah nama-nama Allah s.w.t kecuali
- I as-Siddiq
 - II al-Jabbar
 - III al-Basir
 - IV al-Amin
- A I dan II
B III dan IV
C II dan III
D I dan IV
- 20 Jelaskan persamaan antara sistem muamalah Islam dengan sistem muamalah konvensional.
- I Melicinkan urusan kehidupan manusia seharian.
 - II Memudahkan manusia mendapatkan harta
 - III Memenuhi keperluan hidup manusia
 - IV Menjadikan harta sebagai matlamat
- A I, II dan III.
B I, II dan IV.
C I, III dan IV.
D II, III dan IV.

Bahagian B

[20 markah]

Nyatakan istilah bagi perkara berikut.

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

21 Sistem yang mementingkan pendapat ramai.

1

22 Pengganti nabi dalam urusan menegakkan agama dan mentadbir urusan dunia.

1

23 Mencerahkan segala daya upaya yang ada untuk menangani dan memerangi musuh Allah s.w.t, musuh negara serta mempertahankan agama dan kebenaran.

1

Lengkapkan pernyataan berikut

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

24 _____ ialah satu kegiatan yang dilakukan untuk mendapatkan sumber pendapatan yang berbentuk wang atau harta yang halal.

1

25 Kesalahan zina memerlukan _____ orang saksi yang adil untuk mensabitkan hukuman ke atasnya.

1

26 Harta yang diserahkan untuk faedah orang ramai yang berkaitan dengan agama Islam dikenali sebagai _____.

1

27 Rububiyah ialah keyakinan dalam _____ secara mutlak bahawa Allah s.w.t adalah pentadbir dan pencipta alam.

1

Untuk
kegunaan
Pemeriksa

Tandakan (✓) pada pernyataan yang BETUL.
Tandakan (✕) pada pernyataan yang SALAH.

1	28	Hukum harus memberi kebebasan mutlak kepada manusia.	
1	29	Mahsyar ialah tempat menanti sebelum dihisab amalan.	
1	30	Qadha hendaklah dijatuhkan oleh orang yang adil.	
1	31	Antara cara untuk memiliki sifat Rabbaniah ialah bekerja bersungguh-sungguh untuk mencari keredhaan Allah s.w.t	


Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan (X) dan (Y) dalam ruangan yang disediakan.

X	Konsep Rububiyah
---	------------------

Y	Konsep Uluhiyyah
---	------------------

		Pernyataan	Jawapan
1	32	Allah S.W.T pentadbir dan pemilik alam.	
1	33	Mengakui hanya Allah S.W.T. yang layak disembah dan ditaati.	
1	34	Paksi utama keimanan kepada tauhid ini ialah kalimah syahadah	
1	35	Allah S.W.T berkuasa memberi sesuatu mengikut kehendakNya.	
1	36	Kekuasaan Allah S.W.T meliputi langit dan bumi.	

Carta di bawah adalah mengenai pengurusan harta



- 37 P _____
- 38 Q _____
- 39 R _____
- 40 S _____

**KERTAS JAWAPAN
KERTAS 1**

Bahagian A

1 A B C D

2 A B C D

3 A B C D

4 A B C D

5 A B C D

6 A B C D

7 A B C D

8 A B C D

9 A B C D

10 A B C D

11 A B C D

12 A B C D

13 A B C D

14 A B C D

15 A B C D

16 A B C D

17 A B C D

18 A B C D

19 A B C D

20 A B C D

BAHAGIAN A

SOALAN KERTAS 1 TAMAT

KERTAS 2
MASA : 2 JAM 30 MINIT
(100 MARKAH)

Jawab Lima soalan.

Soalan **1 wajib** dijawab dan pilih **empat** soalan yang lain.

1. a. (i) Apakah yang dimaksudkan dengan wahyu?. [2 markah]
(ii) Nyatakan **tiga** ciri wahyu. [6 markah]
(iii) Terangkan dua perbezaan antara wahyu dan akal. [4 markah]
- b. Akal memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia.
(i) Terangkan peranan akal kepada kehidupan manusia. [4 markah]
(ii) Nyatakan **dua** hujah mengapa tidak ada lagi wahyu yang diturunkan selepas al-Quran. [4 markah]
2. a. Rabbaniyyah ialah ajaran yang berasaskan perancangan Allah s.w.t. kepada makhluknya.
(i) Terangkan maksud Rabbaniyyah. [2 markah]
(ii) Jelaskan **dua** prinsip Rabbaniyyah. [4 markah]
(iii) Nyatakan **dua** cara untuk memperoleh sifat Rabbaniyyah dalam diri kita. [4 markah]
- b. Agama dibahagikan kepada agama langit dan agama budaya.
(i) Nyatakan perbezaan antara kedua-dua agama tersebut. [4 markah]
(ii) Terangkan **tiga** ciri Islam sebagai agama langit. [6 markah]

3. a. Perkahwinan dalam Islam memelihara keturunan manusia.
Terangkan dua hujah yang menyokong pernyataan di atas.
[6 markah]
- b. Bagaimana cara Islam menangani isu keruntuhan rumah tangga.
[4 markah]
- c. Islam menggalakkan umatnya mengumpul seberapa banyak harta untuk dinikmati.
- (i) Terangkan pengertian harta menurut Islam
[2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** sebab umat Islam digalakkan mengumpul harta.
[4 markah]
- (iii) Nyatakan **empat** contoh pemilikan harta yang diharamkan oleh Islam.
[4 markah]
4. a. (i) Apakah yang dimaksudkan dengan ajaran sesat?
[2 markah]
- (ii) Cadangkan **tiga** cara untuk membanteras ajaran sesat.
[6 markah]
- (iii) Senaraikan **empat** contoh budaya asing yang menular dalam masyarakat hari ini.
[4 markah]
- b. (i) Terangkan **dua** cara untuk menghindari dari perbuatan jenayah.
[4 markah]
- (ii) Nyatakan **empat** contoh jenayah menurut Islam.
[6 markah]

5.

Hukuman bagi kesalahan takzir diputuskan oleh mahkamah.

- a. (i) Nyatakan **dua** perbezaan antara takzir dengan hudud. [4 markah]
- (ii) Huraikan **tiga** contoh kesalahan takzir dan hukumannya. [6 markah]
- b. Allah s.w.t. telah melantik manusia sebagai khalifahNya di muka bumi ini.
- (i) Jelaskan maksud manusia sebagai khalifah Allah. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** peranan manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi ini. [4 markah]
- c. "Sesungguhnya orang yang membazir adalah saudara syaitan"
Mengapakah Islam melarang umatnya melakukan pembaziran. [4 markah]
6. a. Perundangan Islam diturunkan oleh Allah s.w.t. untuk mengawal dan mencorakkan kehidupan manusia di dunia dan akhirat.
- (i) Apakah maksud perundangan Islam. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **empat** sumber perundangan Islam. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** matlamat perundangan Islam tersebut. [4 markah]
- b. Islam telah mengatur sistem sosial Islam untuk menjamin keharmonian dalam masyarakat.
- (i) Jelaskan **dua** matlamat sistem sosial Islam. [4 markah]
- (ii) Terangkan perbezaan antara sistem sosial Islam dengan sistem sosial bukan Islam. [6 markah]

7. a. Perpaduan amat penting dalam sesebuah masyarakat majmuk bagi mengelak daripada berlaku perpecahan.
- (i) Bagaimanakah cara Islam menyatukan masyarakat majmuk. [6 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** cara Islam menangani masalah perpecahan dalam masyarakat. [4 markah]
- b. "Dan Allah menjadikan bagi kamu dari diri kamu sendiri pasangan-pasangan (isteri), dan dijadikan bagi kamu dari pasangan kamu anak-anak dan cucu-cicit ... (maksud surah an-Nahl ayat 72)
- (i) Huraikan **tiga** tanggungjawab isteri. [6 markah]
 - (ii) Huraikan **dua** kesan pengabaian tanggungjawab tersebut terhadap institusi keluarga. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

SKEMA KERTAS 1

BAHAGIAN A

- | | | | | |
|-------|-------|-------|-------|-------|
| 1. B | 2. C | 3. D | 4. D | 5. D |
| 6. C | 7. D | 8. B | 9. A | 10. C |
| 11. B | 12. A | 13. D | 14. D | 15. A |
| 16. A | 17. A | 18. A | 19. D | 20. A |

BAHAGIAN B

1.
 - a. Ijtihad
 - b. Jihad
 - c. Khalifah
 - d. Syura
 - e. Negara Islam

2.
 - a. Harta
 - b. Pahala
 - c. Halal
 - d. Riba

3.
 - a.
 - i. X : mana-mana nama Allah selain Al-Rahman dan Al-Rahim
 - ii. Y : mana-mana nama Allah selain Al-Rahman dan Al-Rahim

 - b.
 - i. Ar-Rahim : Maha Pengasih / Penyayang
 - ii. Al-Rahman : Maha Pemurah

4.
 - a. Benar
 - b. Salah
 - c. Benar
 - d. Salah
 - e. Benar
 - f. Salah

SKEMA KERTAS 2 SET 12

1. (a) (i) Kalam Allah yang diturunkan kepada para nabi dan rasul melalui perantaraan malaikat Jibril atau secara terus daripada Allah.

[1 isi X 2 = 2 markah]

- (ii)
 - Kebenaran yang mutlak
 - Tidak mampu dipinda oleh manusia
 - Menerangkan perkara ghaib
 - Datang daripada Allah
 - Diturunkan kepada nabi dan rasul
 - Melalui perantaraan malaikat Jibril atau secara langsung
 - Tidak diturunkan selepas kewafatan Rasulullah

[3 isi X 2 = 6 markah]

	Wahyu	Akal
(iii)	<ul style="list-style-type: none"> - Diturunkan kepada nabi - Tidak boleh dipinda - Kekal - Kalam Allah - Wahyu telah terhenti 	<ul style="list-style-type: none"> - dimiliki oleh semua manusia - boleh berubah - sementara - Pemikiran manusia - Akal terus wujud

[4 isi X 2 = 4 markah]

(Catatan : Tiada markah jika tiada perbezaan)

- b. (i)
- Membezakan antara baik dan buruk.
 - Mengenal kekuasaan Allah.
 - Menyelesaikan masalah manusia.
 - Meningkatkan ilmu pengetahuan
 - Membantu manusia membina kehidupan

[2 isi X 2 = 4 markah]

- al-Quran lengkap dan sempurna.
- Rasulullah s.a.w. adalah nabi yang terakhir.
- Wahyu tetap terpelihara sehingga hari kiamat.

[2 isi X 2 = 4 markah]

2. a. (i) Rabbaniyyah membawa maksud ketuhanan, iaitu segala hukum, konsep, prinsip, nilai dan peraturan yang terkandung di dalam al-Quran dan hadis.

- Ketuhanan (1 m)
- Segala hukum / konsep / peraturan yang datang daripada Allah (1 m)

[1 isi X 2 = 2 markah]

- (ii)
- Islam agama yang diwahyukan Allah s.w.t. dan bukan ciptaan manusia.
 - Islam satu pegangan yang jitu dan bersih daripada kekurangan, kejahilan dan dorongan hawa nafsu.
 - Islam dan seluruh makhluk merupakan hak kepunyaan Allah s.w.t.
 - Allah s.w.t. sebagai pemberi peraturan hidup

[2 isi X 2 = 4 markah]

- (iii)
- Beriman kepada Allah s.w.t.
 - Berakhlak mulia.
 - Mengerjakan segala perintah Allah s.w.t.
 - Meninggalkan segala larangannya.
 - Bekerja kerana Allah s.w.t.
 - Berjihad.

[2 isi X 2 = 4 markah]

- b. (i)
- **Agama langit** iaitu ajaran yang bersumberkan wahyu Allah s.w.t.
 - Agama budaya ialah agama ciptaan manusia.

[2 isi X 2 = 4 markah]

- (ii)
- Disampaikan oleh utusan Allah / rasul
 - Mempunyai kitab suci
 - Kebenarannya bersifat mutlak dan universal
 - Datang daripada Allah s.w.t.

[3 isi X 2 = 6 markah]

3. a. - Perkahwinan menjauhkan manusia dari perbuatan zina.
 - Memilih pasangan beragama.
 - Perkahwinan memelihara nasab / keturunan manusia
 - Melahirkan zuriat yang halal, suci dan bersih
- [2 isi X 2 = 4 markah]
- b. - Memberi didikan agama.
 - Mengadakan kursus pra perkahwinan
 - Kempen keluarga bahagia
- [3 isi X 2 = 4 markah]
- c. (i) - Harta ialah anugerah Allah kepada manusia yang boleh dimiliki melalui usaha dan ikhtiar.
- [1 isi X 2 = 2 markah]
- (ii) - Untuk memenuhi keperluan diri dan keluarga.
 - Untuk membantu golongan yang memerlukan.
 - Mengurangkan kadar kemiskinan umat Islam.
 - Untuk melaksanakan ibadat seperti zakat dan haji
- [2 isi X 2 = 4 markah]
- (iii) - Manipulasi
 - Monopoli
 - Riba
 - Mencuri
 - Menjual dadah
- [2 isi X 2 = 4 markah]
4. a. (i) Ajaran sesat ialah ajaran yang bertentangan dengan Al-Quran dan Al-Hadis / Islam
- [1 isi X 2 = 2 markah]
- (ii) - Memberi didikan agama yang sempurna.
 - Pendedahan melalui media tentang keburukan ajaran sesat.
 - Menguatkuasakan undang-undang.
 - Memberi kesedaran tentang keburukan perbuatan tersebut / ceramah
- [3 isi X 2 = 6 markah]
- (iii) - Black Metal
 - Valentine day / memperingati hari kekasih
 - Muzik Rock
 - Punk
 - Hippies
 - Bertatu
- [4 isi X 1 = 4 markah]
- b. (i) - Memantapkan iman.
 - Mendapat didikan agama yang sempurna
 - Penguatkuasaan undang-undang
 - Mengelakkan diri daripada bergaul dengan rakan yang suka melakukan jenayah
- [2 isi X 2 = 4 markah]

- (ii) - Tidak menunaikan solat
- Tidak berpuasa pada bulan Ramadan
- Mencuri
- Berzina
- Melakukan fitnah.
- Minum arak
- Rasuah

[3 isi X 2 = 6 markah]

5. a. (i)

Takzir	Hudud
- Hukumannya diputuskan oleh mahkamah	- Ditetapkan oleh Allah
- Hukuman boleh berubah	- Hukuman bersifat tetap
- Hukuman masih boleh dipertikai	- Hukuman muktamad

(Cacatan : Tiada markah jika tiada perbezaan)

[2 isi X 2 = 4 markah]

(ii)

Kesalahan	Hukuman
Khalwat	Denda atau penjara
Rasuah	Penjara
Kesalahan jalan raya	Denda
Mengganggu ketenteraman awam	Denda
Melanggar disiplin	Memberi teguran

[3 isi X 2 = 6 markah]

- b. (i) - Pengganti nabi dalam urusan menegakkan agama an mentadbir urusan dunia berdasarkan syariat Islam.

[1 isi X 2 = 2 markah]

- (ii) - Mengabdikan diri kepada Allah.
- Memakmurkan / mentakmir alam.
- Mematuhi perintah Allah.
- Mensyukuri nikmat Allah.

[2 isi X 2 = 4 markah]

- c. - melahirkan masyarakat mementingkan diri sendiri
- menyebabkan seorang itu terpaksa menanggung beban hutang / kemiskinan
 - menghilangkan perasaan belas kasihan / kasih sayang dan bertimbangrasa
 - Menjejaskan ekonomi negara
 - menyebabkan inflasi

[2 isi X 2 = 4 markah]

6. a. (i) - Perundangan Islam hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. kepada manusia yang merangkumi aspek akidah, syariat, akhlak dan sebagainya.
[1 isi X 2 = 2 markah]
- (ii) - Al-Quran
- Al-Hadis
- Al-Ijmak
- Al-Qias
[4 isi X 1 = 4 markah]
- (iii) - Memelihara kesucian agama
- Memelihara keselamatan nyawa
- Memelihara akal
- Memelihara harta benda
-
- b. (i) - memupuk semangat berkerjasama antara anggota masyarakat untuk melaksanakan kebajikan
- menghindarkan masyarakat dari melakukan dosa dan kezaliman
- memupuk ukhuwah Islamiah tanpa mengira warna kulit dan keturunan
- menegakkan keadilan sosial dengan memberi kebebasan dan hak tertentu kepada masyarakat.
[2 isi X 2 = 4 markah]

(ii)

sistem sosial Islam	sistem sosial bukan Islam
- berasaskan al-Quran dan As-Sunnah	- berdasarkan pemikiran dan pengalaman manusia
- berdasarkan kepada ukhuwah	- berdasarkan kedudukan, warna kulit dan lain-lain.
- mementing urusan dunia dan akhirat	- mementingkan kebendaan / keduniaan semata-mata

[3 isi X 2 = 6 markah]

7. a. (i) - semua rakyat dan masyarakat mesti mematuhi undang-undang negara.
- kerajaan bersikap adil kepada semua tanpa mengira bangsa, agama dan warna kulit.
- mengamalkan kebebasan beragama / berbudaya / bersuara
- saling memahami dan menghormati kebudayaan masing-masing.
- Melaksanakan kegiatan kemasyarakatan secara bersama
- Berpegang kepada prinsip-prinsip Rukun Negara

[3 isi X 2 = 6 markah]

- (ii) - memperbanyakkan aktiviti yang boleh memupuk perpaduan seperti bergotong royong
- menerapkan nilai-nilai murni melalui pendidikan / ceramah
- mentaati segala peraturan dan undang-undang.
- menghormati antara satu sama lain

[2 isi X 2 = 4 markah]

- b. (i) - Taat kepada suami dalam semua perkara yang tidak bertentangan dengan perintah Allah.
- Memberikan layanan yang baik dan mesra kepada suami dan keluarga.
- Memelihara kehormatan diri dan maruah suami.
- Menjaga harta suami dengan baik serta menggunakannya dengan bijaksana dan berjimat cermat.
[3 isi X 2 = 6 markah]
- (ii) - Berlaku perceraian / perpisahan antara suami isteri.
- Anak-anak akan terbiar.
- Berlaku perselisihan / pertengkaran dalam keluarga
[2 isi X 2 = 4 markah]

SKEMA TAMAT

CATATAN

